

Memperingati Hari Keputeraan Nabi

Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*

Umat Islam Singapura – sebagai mana umat Islam yang lain di seluruh dunia – telah merayakan Hari

Keputeraan Junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan meriahnya.

Selain daripada perayaan maulid yang diadakan di Masjid

Sultan dan di Stadium Badminton Singapura,

jawatankuasa maulid anjuran *Jamiyah al-Da‘wah*

al-Islāmiyyah telah mengadakan perjumpaan besar yang dihadiri

oleh beribu-ribu umat Islam di tanah lapang Great Eastern

- Geylang Serai yang sangat meriah.

Riwayat hidup junjungan kita Nabi Muhammad

ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam dan pengajaran-pengajarannya serta

tingkah lakunya telah dikupas satu persatu oleh al-Syed

Ahmad Dahlan al-Husaini, Ustazah Aminah binti Pawang

Husin dan al-Syed Abdullah bin Hamid al-Edrus

(pengerusi majlis).

Rahmat bagi Seluruh Alam

Di bawah ini, Qalam menurunkan sepenuhnya kan¹

kupasan saudara Abdullah al-Edrus di majlis itu

tentang sifat-sifat Rasulullah yang telah diutus oleh Allah Ta‘ālā

menjadi rahmat bagi seluruh alam. Ujarnya

di dalam al-Qur‘ān al-Karīm, Allah Ta‘ālā berfirman

ertinya “Tidaklah Kami utuskan kamu (Ya

Muḥammad) melainkan adalah kerana membawa rahmat kepada



Ustazah Aminah binti Pawang Husin, dengan tenang

dan jelas, sedang menghuraikan sejarah perjuangan

Rasulullah dan sifat-sifatnya yang terpuji,

¹ Ejaan sebenar ialah akan

sekalian alam”.

Benar! Benar! Benar! Wahai junjunganku Muhammad (*ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*) Tuan tidak diutuskan melainkan kerana membawa rahmat kepada sekalian alam. Tuan diutuskan kerana membawa kebahagiaan kepada seluruh umat dan kaum wanita.

Tidakkah dunia melihat dengan ajaran Tuan kaum wanita telah diangkat dari darjat yang hina kepada kedudukan yang mulia?

Hanya mereka yang tidak menyelidiki sejarah hidup Tuan Ya junjunganku Muhammad *ṣallā ‘alayhi wa sallam* yang tidak melihat kebenaran itu.

Tidakkah sejarah hidup Tuan, wahai Junjunganku Muḥammad *ṣallā ‘alayhi wa sallam* menunjukkan dan memberi tauladan bahawa Tuan wahai junjunganku, hidup sebagai manusia biasa, berusaha, berikhtiar,

berkahwin, beranak pinak, berperang dan berjuang untuk menegakkan kalimah Tuhan?

Tidakkah dunia telah melihat wahai Junjunganku, bahawa Tuan telah dipujuk, tidak mampan, diugut tetapi Tuan wahai junjunganku tidak akan berpaling daripada mengesakan Allah? Tuan tidak gentar menghadapi sesuatu bahkan Tuan rela hancur asalkan tugas Tuan dijalankan.

Benarlah firman Allah:

Muḥammad Rasūl Allāh walladhīna ma‘ahu ashiddā’ ‘alā al-kuffāri ruḥamā’ baynahum tarāhum rukka‘ān sujūdan yabtaghūna faḍlan minā Allāh wa riḍwānā.

Ertinya: “Muhammad itu Rasul (Pesuruh) Allah dan orang-orang yang beserta (dengannya) keras (tegas) terhadap orang-orang kafir, (dan) berkasih sayang di antara mereka sesama mereka (sesama Muslimin) engkau lihat



Sidang hadirin pada malam yang berbahagia itu sedang mendengar riwayat hidup dan jasa-jasa Rasulullah ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam dalam masyarakat dunia umumnya.

mereka rukuk sujud mencari kurniaan dan keredaan

daripada Allah.”

Dunia melihat buktinya, wahai junjunganku! Tuan beserta sahabat-sahabat Tuan telah membuktikan. Tuan bersama-sama mereka tidak kepalang tanggung untuk mendirikan kalimah Tuhan! Tuan beserta sahabat-sahabat Tuan, wahai junjunganku, tidak tawar menawar dalam menegakkan kalimah Tuhan.

Sejarah telah menunjukkan, wahai junjunganku, bahawa banyak sahabat-sahabat Tuan dengan tidak berbelah bahagi telah gugur berjuang bersama-sama Tuan untuk menegakkan kalimah Tuhan.



Saudara Syed Ahmad Dahlan al-Husaini, sedang menerangkan dengan penuh semangat akan riwayat hidup Junjungan kita Nabi Muhammad shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam dan intisari pengajarannya.

Dan Tuan, wahai junjunganku, sangat berkasih sayang sesama umat Tuan. Tuan telah disambut dengan gembiranya oleh sahabat-sahabat Tuan dengan suatu syair yang tidak jemu-jemunya diucapkan hingga hari ini

*Ṭala‘a al-badru ‘alaynā * min thaniyāti al-wadā‘*
*Wajaba al-shukru ‘alaynā * mā da‘ā li-Llāhi dā‘a*
*Ayyuhā al-mab‘ūthu fīnā * ji‘ta bi al-amru al-maṭā‘a*

Bulan purnama datang bersinar,
Dari jalan *thaniyāti al-wadā‘*,
Syukur kepada Tuhan sepanjang masa
Selagi ada mubaligh yang mengembangkan agama-Nya
Wahai junjungan yang dibangkitkan
Tuanlah pembawa syariat yang ditaati.

Tuan, wahai junjunganku, yang telah menghidupkan jiwa rukuk dan sujud kepada Tuhan! Tuan, wahai junjunganku yang menjadikan manusia semata-mata mencari kurniaan-Nya dan keredaan-Nya daripada Tuhan alam semesta.

Pengikut-pengikut Tuan, wahai junjunganku, Tuan hidupkan di dalam jiwanya, hidup berjuang mencari dunia untuk hidup sebagai orang yang akan hidup selama-lamanya! Bekerja, bekerja, berusaha terus berusaha, bertenaga terus bertenaga. Tuan ajarkan, wahai junjunganku kerana Tuan tidak mahu melihat umat Tuan miskin, umat Tuan jadi orang yang meminta!

Tuan ajarkan wahai junjunganku, bahawa tiap-tiap seorang bersedia untuk mati esok! Tiap-tiap seorang Tuan peringatkan, wahai junjunganku, bahawa tiap-tiap mereka akan ditanya tanggungjawabnya sendiri terhadap menegakkan kalimah Tuhan!

Tuan tunjukkan, wahai junjunganku, bahawa

Tuan sebaik-baik suami di dalam rumah tangga! Tuan ajar mereka mengawal isterinya, Tuan tunjukkan bagaimana mengawal dan memelihara anak-anaknya.

Tuan tauladankan di dalam hidup Tuan, berbuat baik di dalam rumah tangga Tuan, wahai junjunganku, supaya manusia berbuat baik kepada ahli rumahnya.

Tuan ajarkan, wahai junjunganku, bahawa tiap-tiap seorang sabar dan suka memaafkan kesalahan-kesalahan terutamanya kepada ahli rumahnya, supaya umat berbuat baik kepada isi rumahnya.

Tuan, wahai junjunganku telah merayu umat supaya mengutamakan isi rumahnya, supaya mengasihi isi rumahnya.

Tuan, wahai junjunganku menunjukkan bagaimana kedudukan orang yang berkuasa. Tuan tidak membuat sewenang-wenang, Tuan orang yang pemurah, Tuan penolong sahabat, Tuan pembela sahabat-sahabat Tuan. Tuan, wahai junjunganku pembela orang yang lemah. Tuan hidupkan semangat percaya kepada diri sendiri, semangat berkorban dengan sepenuh korban sekalipun dengan nyawa pada jalan Allah.

Semuanya Tuan anjurkan, wahai junjunganku, didasarkan kepada ikhlas, bersih hati, tabah dan sabar!

Apakah kekurangan yang telah Tuan tunjukkan, Tuan ajarkan dan Tuan teladankan, wahai junjunganku?

Tidak! Tidak! Demi Allah tidak! Wahai junjunganku, tidak ada kurangnya cermin hidup yang membawa kebahagiaan yang tuan telah berikan.

Tetapi pengikut-pengikut Tuan, wahai junjunganku, melupakan akan ajaran Tuan! Ajaran dan pertunjuk Tuan



Saudara Syed Abdullah al-Edrus (pemimpin Ikhwan) sedang berucap tentang jasa-jasa dan pengorbanan Rasulullah yang menjadi rahmat bagi seluruh alam.

yang mulia untuk hidup di dunia yang *fanā'* dan bakal hidup yang kekal abadi di alam *baqā'* – banyak dilupakan.

Sejarah hidup Tuan, wahai junjunganku, tidak dikaji dan dipelajari. Sejarah hidup Tuan tidak lagi dijadikan tauladan hingga persatuan

yang Tuan ikat di dalam kalimah *Lā ilāha illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh*

tidak lagi **aset**, tidak pengikat lagi.

Bagaimana keadaan kami sekarang, wahai

junjunganku!

Di dalam menyambut keputeraan Tuan, wahai junjunganku

kami menadah tangan ke hadrat Allah *Ṣubḥānahu wa Ta'ālā*,

semoga kami dapat menikmati rahmat yang diutuskan

Tuan kerana-Nya. Tuhan kami, berilah taufiq dan hidayah-Mu

kepada kami supaya kami menjadi pengikut junjunganku


kami Muhammad (SAW) yang tegas pendiriannya terhadap *kuffār*,

berkasih sayang di antara satu dengan lain serta

menjadikan kami orang yang rukuk dan sujud

kepada-Mu serta orang yang berharap atas kurnia-Mu dan

keredaan-Mu . . Amīn!



Persidangan kelima belas Kumpulan Mengkaji Hal Ehwat Getah Antarabangsa telah berlangsung di Dewan Tengku Abdul Rahman di Kuala Lumpur pada 19 September 1960 yang lalu.

Tatkala membuka persidangan itu Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman berkata, bahawa Tanah Melayu banyak menggantungkan nasibnya kepada hasil getah. Tengku menyatakan lagi, bahawa beliau percaya, dalam zaman yang serba maju ini, dunia akan terus menerus menghendaki getah yang lebih banyak lagi.

Perdana Menteri Persekutuan telah menyatakan kegembiraannya kerana Persidangan yang tersebut telah diadakan dalam tahun negara Tanah Melayu menamatkan darurat, “tahun yang menandakan kemenangan kita terhadap keganasan komunis”

Gambar atas: Dua jenis setem baharu Persekutuan Tanah Melayu yang berlambangkan “pokok benih getah” kerana memperingati Persidangan Getah yang bersejarah itu.